

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM ALI
Tajuk : MAJLIS PENUTUP KONVENSYEN JAWATANKUASA KEUTUHAN PENGURUSAN
1999 (JKP)
Lokasi : RENAISSANCE PALM GARDEN HOTEL SELANGOR DARUL EHSAN
Tarikh : 21-09-1999

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

dan Salam Sejahtera Y. Bhg. Tan Sri Datuk Samsudin Osman Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Y. Bhg. Dato' Ahmad Zaki Haji Husin Ketua Pengarah BPR Malaysia Selaku Penyelaras Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan,

Y. Bhg. Datuk Dr. Muhammad Rais Abdul Karim Ketua Pengarah MAMPU,

Y. Bhg. Dato' Mohd. Zawawi Mohd. Nordin Timbalan Ketua Pengarah (Pencegah) Badan Pencegah Rasuah Malaysia Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Konvensyen JKP 1999 Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian Yang Berhormat Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri Para hadirin yang dihormati sekalian Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur kerana telah sudi menjemput saya untuk merasmikan Majlis Penutupan Konvensyen Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan atau Konvensyen JKP 1999 pada tengah hari ini. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada BPR sebagai Penyelaras JKP, dan MAMPU selaku Urusetia Bersama Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK), dan juga INTAN kerana telah bersama-sama mengambil inisiatif menganjurkan Konvensyen JKP kali kedua ini, yang tahun lepas disebut sebagai Bengkel JKP 1998.

2. Saya berpendapat Konvensyen JKP ini adalah sangat penting dan tepat pada masanya ke arah merealisasikan saranan YAB Perdana Menteri sepertimana yang telah didokumenkan dalam Arahan Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998. Oleh kerana pentingnya mekanisme JKP ke arah memantapkan integriti perkhidmatan awam, maka Ketua- Ketua Setiausaha Kementerian selaku Pengerusi JKP di peringkat Kementerian dan Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Kepada JKP Kerajaan Negeri dan Urusetia masing-masing telah dijemput untuk menghadiri Konvensyen ini.

3. Setelah hampir dua tahun Arahan YAB Perdana Menteri dilancar dan dilaksanakan oleh semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, kita telah nampak kejayaan yang menyeluruh yang dicapai melalui pelaksanaan mekanisme JKP. Adalah didapati banyak agensi penguatkuasa undang-undang dan masyarakat antarabangsa kagum dengan mekanisme Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan atau JKKMKPK, dan mekanisme pelaporan dan pemantauan melalui JKP yang dilaksanakan ini. Malahan pelaksanaan JKP dengan lapan terma rujukannya telah menjadi model yang ditiru oleh beberapa buah negara.

4. Saya yakin, pembentangan kertas kerja pada sesi kelmarin dan penggulungan resolusi bengkel pada pagi tadi, telah menunjukkan dengan jelasnya bahawa gerakan memantapkan integriti dan akauntabiliti Perkhidmatan Awam Malaysia merupakan tanggungjawab utama setiap Pengerusi dan ahli-ahli JKP. Jaya atau gagalnya usaha-usaha gerakan keutuhan tersebut banyak bergantung kepada komitmen dan sejauhmana tindakan-tindakan pembaharuan diambil melalui jentera JKP.

5. Objektif penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan di sesebuah jabatan atau agensi kerajaan adalah bertujuan untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan Perkhidmatan Awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang paling tinggi dengan mempertingkatkan amalan nilai-nilai murni, di samping berusaha mengatasi masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan, terutamanya dalam pengurusan kewangan kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes-kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh peraturan, perundangan serta agama.

6. Justeru itulah, strategi dan pelan tindakan yang dilaksanakan melalui JKP merupakan pendekatan

yang komprehensif kerana terma rujukannya yang menyeluruh, bersepadu dan wujudnya suatu kaedah pemantauan (monitoring) yang kemas. Penubuhan Pasukan-Pasukan Khas Perunding JKP yang dipengerusikan oleh INTAN, JPA dan IKIM dengan keanggotaan pelbagai jabatan membolehkan kajian dan analisis lebih terperinci dibuat ke atas undang-undang, peraturan dan sistem dan prosedur kerja.

Usaha-usaha juga dibuat bagi memastikan kaedah paling berkesan bagi menggalakkan penerapan nilai-nilai murni, penghayatan kod etika dan pemberian pengiktirafan dilaksanakan sepenuhnya oleh anggota-anggota Perkhidmatan Awam. Pendekatan ini dilengkapkan dengan usaha-usaha meningkatkan kawalan dalaman atau internal control, yang merangkumi tindakan pengesanan, dan pemulihan.

7. Berasaskan pengalaman yang diperolehi, adalah jelas bahawa usaha-usaha untuk meningkatkan keutuhan pentadbiran mestilah dilakukan secara bersepadu dan tidak secara piece meal-approach. Penekanan ke atas satu atau dua strategi dengan meninggalkan strategi yang lain tidak akan memberi impak yang sepenuhnya ke atas integriti perkhidmatan secara keseluruhannya.

Sebagai contoh, jika peraturan dan sistem prosedur kerjanya baik dan telus, tetapi aspek-aspek nilai murni dan etika tidak diberi tumpuan, lambat-laun pegawai-pegawai yang lemah imannya atau rendah akhlakannya akan mengambil kesempatan atas peluang dan ruang yang terbuka.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Saya amat berharap agar Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 ini dapat ditafsirkan sebagai amanah yang perlu dilaksanakan. Ketetapan peranan dan tanggungjawab kita sebagai pemimpin dan sebagai penjawat awam yang memegang amanah adalah jelas.

Justeru itu, kita semua perlu menggembeling tenaga berusaha mencari jalan bagaimana hendak memaksimumkan peranan kita supaya amanah yang dipikul dan dipertanggungjawabkan dapat dilaksanakan dengan penuh semangat dan iltizam, dengan menzahirkan semangat kerjasama yang tinggi dan pengorbanan yang bermakna sepanjang masa. Mereka yang beramanah adalah mereka yang menjaga dan berusaha sekuat-kuatnya agar tugas dan kewajipan yang dipikul dapat dilaksanakan dengan sempurna, cemerlang dan berkesan. Sebagaimana yang kerap kali saya tegaskan, penjawat awam mestilah dinamik dan mampu untuk membuat perubahan yang positif demi meningkatkan mutu perkhidmatan awam, di samping berupaya menghadapi cabaran-cabaran semasa dengan lebih berkesan.

9. Dalam sesebuah masyarakat, fungsi kepimpinan itu amat besar dan mutlak sekali, kerana pemimpin itu adalah merupakan motor penggerak untuk mencapai sesuatu tujuan atau matlamat. Berjaya atau tidaknya sesebuah organisasi atau masyarakat dalam mencapai tujuan mereka, sebahagian besarnya ditentukan oleh cara-cara pemimpin membimbing orang-orang bawahan. Maka seseorang ketua atau pemimpin itu adalah orang yang bertanggungjawab dalam mewujudkan kesejahteraan, kedamaian, keselesaan dan keselamatan dalam sesebuah organisasi atau jabatan yang diketuainya, sama ada dalam bentuk jasmaniah mahupun dalam bentuk rohaniah. Ajaran Islam menghendaki adanya "tawazun" atau keseimbangan dalam kepimpinan, iaitu seimbang antara usaha pembinaan kecemerlangan jiwa dan raga, antara pembinaan rohani dan jasmani, antara pembinaan lahir dan batin dan seterusnya seimbang dalam pembangunan moral dan material.

10. Dalam konteks bekerja, kita semua sebagai pemimpin dan ketua jabatan adalah bertanggungjawab dalam menerajui organisasi kita supaya menyempurnakan segala urusan amal ma'aruf (menganjur dan mengerjakan kebaikan) dan nahi mungkar (mencegah kemungkaran atau keburukan) agar hasil daripada pekerjaan itu memperoleh keberkatan di dunia dan di akhirat, insyaAllah.

11. Dunia masakini dan akan datang menawarkan pelbagai cabaran, ruang serta peluang dalam kehidupan.

Terpulanglah kepada kita untuk merencanakan perancangan dan pelbagai strategi sesuai dengan perkembangan. Sehubungan dengan itu juga, amatlah penting langkah-langkah pembaharuan

pentadbiran Kerajaan yang telah diperkenalkan sebelum ini mendapat sokongan dan dilaksanakan berteraskan prinsip-prinsip Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan iaitu secara menyeluruh, sistematik, bersepadu dan berterusan.

Para hadirin sekalian,

12. Saya amat berharap agar semua Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua-Ketua Jabatan selaku Pengerusi JKP di peringkat masing-masing dapat melaksanakan tanggungjawab, tindakan dan pelaksanaan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan ini dengan penuh komitmen dan berterusan, bagi menentukan Perkhidmatan Awam kita bukan sahaja bebas daripada gejala rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa, tetapi akan sentiasa cekap, adil, amanah dan berpegang teguh kepada peraturan, undang-undang serta tuntutan agama.

13. Dalam saat negara menghadapi kegawatan ekonomi, pentadbiran yang cekap akan dapat membantu menyelamatkan kos perbelanjaan dari pembaziran atau diselewengkan. Pada keseluruhannya, gerakan integriti ini akan turut memulihkan kepercayaan terhadap struktur pentadbiran ekonomi negara.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

14. Baru sebentar tadi kita telah sama-sama berikrar untuk mempertingkatkan usaha bagi memastikan organisasi kita adalah cekap, bebas dari gejala rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Ikrar adalah satu janji dan komitmen yang serius yang mesti dilaksanakan. Oleh itu saya berharap tiap-tiap peserta Konvensyen ini mengambil tindakan susulan yang sama seriusnya dengan ikrar yang dibuat pagi ini supaya keutuhan organisasi masing-masing berada di tahap yang terpuji. Pendekatan 'hands-on' perlulah diamalkan supaya Ketua-ketua Jabatan dapat melihat sendiri pelaksanaan pengurusan keutuhan di tiap-tiap bahagian seksyen dan unit di bawah organisasi masing-masing.

Hanya dengan cara ini barulah hasrat Kerajaan supaya Perkhidmatan Awam kita bertaraf 'world class' dapat tercapai sepenuhnya.

15. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya menutup Konvensyen Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan 1999 dengan rasminya. Terima kasih.